

# NEW SABAH TIMES

Sabah's First Established Paper

Saturday October 20, 2012

NST 20.10.2012

## Amanat Naib Canselor kepada Graduan Universiti Malaysia Sabah 2012

Mariyah kita sama-sama ucapan syukur pada-Nya. Jika bukan kerana limpahan kasih-Nya, tidak mungkin kita dapat bertemu hari ini. Buat para graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS), mari kita sama-sama ucapan terima kasih. Syukur Alhamdulillah bersempena istiadat majlis Konvokesyen kali yang ke-14, anda. Seyogia diperingatkan menjadi terpelajar bermakna manusia semakin bijaksana, dengan menjadikan manusia lain lebih menghargai hidup ini dan seorang yang bijaksana tetap sentiasa bersemangat memberi manfaat pada diri orang ramai. Menghidupkan lilin orang lain tidak akan memadamkan api lilin milik kita. Belajarlah untuk mensyukuri, berbahagi-bahagi kasih sayang untuk dunia yang lebih damai harmoni.

Tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa institusi ilmu seperti universiti mempunyai ramai ahli fikir dengan cara masing-masing telah berjaya mengukir nama sebagai tokoh akademik yang cemerlang pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam pelbagai bidang penyelidikan ilmu. Namun, sebahagian besar tenaga pengajar berselindung di sebalik tabir kerana tidak gemar menonjolkan diri, sebaliknya bekerja bertungkus lumus dalam dunia akademik sendiri, untuk membimbing dan melatih pelajar masing-masing. Hasilnya, ramai graduan yang berjaya menerima ijazah tanpa pernah sempat untuk menghargai pengorbanan tenaga akademik yang jujur memberi ilmu. Orang berilmu bagi matahari tidak pernah memilih siapa untuk diberi cahaya, sama ada orang baik atau sebaliknya, mentari tetap memberi tanpa mengharap balas simpati. Seorang guru yang jujur sentiasa berniat agar muridnya lebih pintar daripadanya, manakala seorang murid yang jujur harus pula mengakui kepintaran gurunya, seorang murid akan lebih bijaksana dengan menjadikan jasa bakti dan budi sang guru sebagai azimat untuk mensyukuri kehidupan ini agar lebih banyak lagi memberi manfaat pada orang ramai.

Sekeping ijazah tidak dapat membuktikan pemilinya seorang yang benar-benar berilmu. Ijazah adalah simbolik pada keperluan untuk memenuhi kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan dengan menjadikan generasi muda Malaysia bertekad cemerlang, sentiasa mandiri, kreatif dan inovatif dalam mengatur kehidupan seharian. Ilmu tanpa praktik hanyalah teori semata-mata. Zaman berteori sudah berlalu, kini tiba lah masanya anda mengamalkan segala teori yang diketahui bagi membina masa depan yang cemerlang.

Dayung perahu tuju haluan  
Bawa rokok sama rempah  
Mun ilmu ndak diamalkan  
Bak pokok tidak berbuah

Dalam konteks urusan profesional, selain memiliki ilmu daripada segulung ijazah, para graduan harus mengimbanginya dengan kemahiran berkomunikasi agar urusan rasmi bergerak mudah penuh diplomasi. Tanpa komunikasi berkesan kita akan hilang jati diri sebagai bangsa Malaysia yang beradat sopan. Kelembutan kata dalam berbicara, kehalusan berfikir dan pantas bertindak adalah acuan budi yang terkandung dalam gagasan 1Malaysia yang menjadi budaya Nusantara. Dalam konteks yang lain, kajian telah membuktikan bahawa kriteria penting dalam pengambilan siswazah sebagai tenaga kerja adalah bergantung kepada pengalaman, etika dan penguasaan bahasa badan (body language) yang kita miliki. Sikap dan perangai bergantung pada diri sendiri bila terlalu mengutamakan kepentingan diri, kita tersesat dengan bangga diri, bila mana untuk membuktikan kita berkeyakinan tinggi, jangan sampai merendahkan diri orang lain untuk minta puji.

Ikan kembong mahal sekali  
Ikan tulai buat sarang  
Kalau sompong meninggi diri  
Ke mana pergi dibenci orang

Setinggi syabas kepada para ibu bapa, tenaga akademik serta semua pihak yang telah menyumbang ke arah kejayaan UMS setakat ini. Sekali lagi saya ucapan tahniah kepada para graduan yang telah berjaya mengakhiri perjuangan sebagai pelajar Universiti Malaysia Sabah yang bakal menerima Ijazah. Ingatlah perjuangan sebenar baru bermula, sekeping ijazah tanda kematangan fikiran, realiti hidup bukanlah semudah illusi yang anda khayalkan.

